

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 May 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2023 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and securities through Takafulink Dana Ekuiti and Takafulink Dana Sukuk and in any other such Takafulink funds that may become available in the future. Suitable for participants with moderate to high risk tolerance and medium to long term investment horizon.


Takafulink Dana Urus adalah satu dana yang diuruskan untuk memaksimumkan pulangan di dalam jangka masa sederhana ke panjang. Ia dicapai dengan pelaburan di dalam saham dan sekuriti berlandaskan Shariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk serta dana-dana Takafulink yang lain yang mungkin disediakan di masa hadapan. Dana ini adalah untuk para peserta yang mempunyai daya toleransi sederhana ke tinggi dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring al-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM564,042,177.46
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.13157

How the Fund has performed / Prestasi Dana


Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Urus Vs. 80% FBMSHA + 20% 12 MTH MBB Islamic Term Deposit Rate



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-0.88%	-1.13%	-1.17%	-3.11%	1.17%	5.05%	113.16%
Benchmark / Penanda Aras	-0.92%	-1.27%	-1.00%	-5.71%	-8.06%	-7.54%	51.40%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.04%	0.14%	-0.17%	2.60%	9.23%	12.59%	61.76%

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	78.15
2 Takafulink Dana Sukuk	21.85

Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	6.66
2 Press Metal Berhad	4.91
3 IHH Healthcare Berhad	4.77
4 Petronas Chemicals Group Berhad	4.19
5 Telekom Malaysia Berhad	3.84
6 Dialog Group	3.82
7 Celcomdigi Berhad	3.27
8 Sime Darby Plantation Berhad	3.11
9 Time Dotcom Berhad	2.86
10 Axiata Group Berhad	2.83

Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Sarawak Energy Berhad	3.67
2 Aeon Credit Service (M) Berhad	2.99
3 Danainfra Nasional	2.73
4 Malaysia Investmnt Issue	2.53
5 YTL Power International Berhad	2.50
6 Jimah East Power Sdn Bhd	2.44
7 Amlslamic Bank Berhad*	2.43
8 Amlslamic Bank Berhad*	2.39
9 Danum Capital Berhad	2.35
10 Ponsb Capital Berhad	2.30

* Different coupon rates & maturity dates for each.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 May 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2023 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Market Review

Malaysian equity markets continued its decline for the fifth consecutive month in May 2023, in tandem with regional markets which were also lackluster. The focus for the month of May was around corporate earnings, with most reporting earnings below consensus expectations. News flow was light during the month, with some focus on interest rates in Malaysia as BNM raised OPR by 25bps. Malaysian Ringgit also saw a lot of pressure versus the US dollar, weakening to above RM4.60/USD. The FBM Emas Shariah Index closed the month at 10,606.51 down 1.21% mom. The FBM Small Cap Shariah index declined 4.35% for the month and underperformed the FBM Emas Shariah Index.

Market Outlook

Global political issues continue to fester, without any resolution of the Russia-Ukraine conflict, and US-Sino relations remain tense. Whilst the global banking crisis seems to have so far been averted, it is still early days and this still something investors will remain vigilant about. Domestically, equity markets have been listless, with many investors staying on the sidelines waiting for the announcement of state elections for Penang, Selangor, Negri Sembilan, Kedah, Terengganu and Kelantan. Our base case is still for the status quo to remain in those states, and hence the Federal Unity government can continue their administration. Uncertainty stemming from this remains an overhang on the market. During this period of uncertainty, we would accumulate fundamentally sound stocks on weakness.

Fixed Income

Market Review

The movements on the Malaysian Government Securities ("MGS") benchmark yield curve were volatile in May due to concerns about the global policy outlook, which affected sentiments in the local market. Initially, domestic bonds received support in the first few weeks of the month following a 25bps hike by Bank Negara and overall positive sentiment which was fueled by stronger-than-expected 1Q23 GDP data. However, the gains made earlier in the month were reversed towards the end as yields shifted upwards, but the longer end of the MGS yield curve remained relatively strong, causing a bear flattening effect. The sell-off in US Treasuries, driven by Federal Reserve policy outlook and concerns over the US debt ceiling, exerted upward pressure on yields of local government bonds. Additionally, the consistently weak Ringgit throughout the month dampened sentiments in the local bond market.

The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year MGS yields closed the month of May at 3.39%(+10bps), 3.49%(+4bps), 3.64%(-2bps), 3.75%(+1bp), 3.99%(+7bps), 4.09%(+7bps) and 4.17%(unch.) respectively. Meanwhile, the 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year Malaysian Government Investment Issues ("MGII") yields closed at 3.38%(+13bps), 3.52%(+5bps), 3.67%(-2bps), 3.81%(-3bp), 3.98%(+2bps), 4.16%(+12bps) and 4.28% (-2bps) respectively.

Bank Negara Malaysia ("BNM") unexpectedly raised its Overnight Policy Rate ("OPR") to 3.00% (+25bps) in its latest Monetary Policy Committee ("MPC") meeting on 3 May 2023, as it seeks to preemptively ward off inflationary pressures amid strong domestic demand and potential subsidy cuts. BNM warned that the balance of risk to the inflation outlook is tilted to the upside and remains highly subject to changes to domestic policy including subsidies and price controls. BNM also stated that it is timely to further normalize the degree of monetary accommodation with the domestic growth prospects remain resilient.

In its statement, BNM said risks to domestic growth outlook are relatively balanced with upside risks mainly emanate from domestic factors such as stronger-than-expected tourism activity and implementation of projects from the re-tabled Budget 2023, while downside risks stem from weaker-than-expected global growth. The monetary policy stance remains slightly accommodative, but the MPC recognizes the need to ensure the stance is appropriate to prevent future financial imbalances.

Data released during the month of May showed that Malaysia's headline inflation moderated further to +3.3% in April (from +3.4% in March), its slowest pace since June 2022. The moderation was primarily driven by slower increase in prices for food and non-alcoholic beverages.

Aside, data released during the month also showed that Malaysia reported a better-than-expected GDP growth of 5.6% for 1Q23 (vs 7% in 4Q23), with the bulk of the growth primarily came from private consumption, rising 5.9% YoY. The strong consumption sentiment has also been reflected in a continued steaming service sector, which was expanded by 7.3% YoY for 1Q23.

Foreign inflows slowed to RM1.5 billion in April (Mar: RM6.6 billion). The slowdown in foreign flows was similarly seen in other ASEAN bond markets. The inflows were primarily driven by GII (+RM1.6 billion) and discount instruments (RM+1.5 billion), offset by an outflow of RM1.7 billion from MGS which could be due to the RM8.9 billion MGS maturities during the month which was not fully reinvested. YTD inflows remain sizeable with cumulative inflows for all Ringgit debts totaling +RM12.9 billion in 4M23 and total foreign holdings rose to RM259.7 billion at end-April (end-March: 258.2 billion).

Market Outlook

Multiple major central bank policy decision will be made during the month of June which will be eyed closely, namely the US Federal Open Market Committee meeting on 15 June, followed by the European Central Bank on the same day. Bank of Japan will also decide on its policy rate on 16 June. Aside, domestically, BNM's MPC will also meet on 6 July.

The GDP growth for 1Q23 was stronger-than-expected at 5.6%. The sequential rebound in GDP growth is also consistent with BNM expectations hence explaining BNM's 25bps hike in May. Meanwhile, although headline inflation was lower, averaging 3.6% in 1Q23 vs 3.9% in 4Q22, the strong domestic demand and healthy labour market could lead to potential inflation risk. Any subsidy adjustments could be a possible trigger to another hike, especially if they coincide with upside growth surprises and stronger wage pressures.

With a lower budget deficit of RM93.9 billion versus the previously tabled RM99.0 billion, we will see lower gross issuance of RM175 billion in 2023 (vs our earlier projection of RM180 billion). We opine the revised budget to be largely bond positive as the new government is committed to fiscal consolidation of reaching fiscal deficit of 3.2% of GDP by 2025 that will see further reduction in public debt and total debt to GDP ratio. The issuance is likely to be slightly front loaded slightly with 52% targeted in 1H2023.

There will be RM80.9 billion maturity in 2023 (2022: RM78.9 billion) with the bulk of the maturity amounting to RM65.4 billion (81%) between the months of March to August 2023. The supply dynamics is turning favorable, as we have past the highest expected quarterly net issuances (i.e. RM29.38 billion) in 1Q2023 and the net issuances in the 2Q2023 is expected to be the lowest (i.e. RM17.7 billion) as we have large government bond maturities during this period.

Despite the widening yields in recent weeks that have begun to draw dip-buying demand, especially for the longer duration, the higher net government bonds/sukuk supply of RM25 billion in 3Q23 could pose steepening pressure to the curve. In the near term, there will be three government auctions in June with an estimated net issuance of around RM14.0 billion, starting with the reopening of the 3-year MGII 9/26, 20-year MGS 10/42 and 5-year MGII 7/28.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 May 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2023 melainkan jika dinyatakan

Fund Review and Strategy

The Fund returned -0.88% for the month outperforming the benchmark return of -0.92% by 0.04%. Year-to-date, the fund returned -2.39%, underperforming the benchmark return of -2.19% by 0.20%. The outperformance in May was due to the outperformance in the equity against its benchmark. As of end-May 2023, the Fund has 78.15% exposure in equities and 21.85% in sukuk (versus Neutral position of 80:20 equity:sukuk).

Ekuiti

Tinjauan Bulanan

Pasaran ekuiti Malaysia meneruskan penurunan bagi bulan yang kelima berturut-turut pada Mei 2023, sejajar dengan pasaran serantau yang juga hambar. Tumpuan diarahkan kepada pendapatan korporat, dengan kebanyakan pelaporan pendapatan di bawah jangkaan konsensus. Aliran berita adalah ringan dengan sedikit minat terhadap kadar faedah apabila BNM menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.0%. Ringgit Malaysia juga mengalami tekanan daripada USD, menyusut kepada melebihi RM4.60/ USD. Indeks FBM Emas Syariah menutup bulan dagangan pada 10,606.51 turun 1.21% MoM. Indeks FBM Small Cap Syariah merosot 4.35% pada bulan tersebut dan tidak mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Syariah.

Gambaran Bulanan

Isu politik global terus meruncing, tanpa sebarang penyelesaian konflik Rusia-Ukraine, manakala hubungan US-China masih tegang. Walaupun krisis perbankan global nampaknya dapat dielakkan setakat ini, namun ianya masih awal dan ini merupakan suatu hal yang pelabur akan tetap berwaspada dengannya. Di dalam negeri, pasaran ekuiti tidak bermaya, dengan ramai pelabur berada di luar gelanggang, menunggu pengumuman 6 pilihan raya negeri. Kes asas kami ialah status quo di negeri-negeri tersebut, dan oleh itu kerajaan Perpaduan Persekutuan boleh meneruskan pentadbirannya. Ketidakpastian yang berpunca daripada keadaan kekal tertajam di pasaran. Dalam tempoh ketidakpastian ini, kami akan mengumpul saham berasas kukuh pada harga yang lebih rendah.

Pendapatan Tetap

Tinjauan Bulanan

Pergerakan keluk hasil penanda aras Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") tidak menentu pada bulan Mei disebabkan kebimbangan mengenai prospek dasar global yang menjejaskan sentimen pasaran tempatan. Pada mulanya, bon domestik menerima sokongan dalam beberapa minggu pertama bulan itu berikutan Bank Negara menaikkan kadar 25 mata asas di samping sentimen positif keseluruhan didorong oleh data KDNK Q123 yang lebih kukuh daripada jangkaan. Walau bagaimanapun, keuntungan yang dibuat pada awal bulan telah membalik menjelang akhir bulan apabila hasil beranjak ke atas, tetapi hujung keluk hasil MGS yang lebih panjang masih lagi utuh, lalu menyebabkan kesan keserataan harga. Penjualan Perbendaharaan US, didorong oleh tinjauan dasar Rizab Persekutuan dan kebimbangan terhadap siling hutang US, memberikan tekanan sisi atas ke atas hasil bon kerajaan tempatan. Selain itu, kelemahan Ringgit secara konsisten pada sepanjang bulan melemahkan sentimen pasaran bon tempatan.

Hasil MGS 3- , 5- , 7- , 10- , 15- , 20- dan 30 tahun pada bulan Mei masing-masing ditutup pada 3.39% (+10 mata asas), 3.49% (+4 mata asas), 3.64% (-2 mata asas), 3.75% (+1 mata asas), 3.99% (+7 mata asas), 4.09% (+7 mata asas) dan 4.17% (tidak berubah). Sementara itu, hasil Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia ("MGII") 3- , 5- , 7- , 10- , 15- , 20- dan 30-tahun masing-masing ditutup pada 3.38% (+13 mata asas), 3.52% (+5 mata asas), 3.67% (-2 mata asas), 3.81% (-3 mata asas), 3.98% (+2 mata asas), 4.16% (+12 mata asas) dan 4.28% (-2 mata asas).

Bank Negara Malaysia ("BNM") secara tidak diduga menaikkan Kadar Polisi Semalaman ("OPR") kepada 3.00% (+25 mata asas) semasa mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari ("MPC") terkini pada 3 Mei 2023, kerana ia bertujuan untuk menangkis terlebih dahulu tekanan inflasi di tengah-tengah permintaan domestik yang kukuh dan potensi pemotongan subsidi. BNM memberi amaran bahawa imbalan risiko terhadap prospek inflasi mencondong ke pada sisi atas dan kekal begitu tertakluk kepada perubahan dasar domestik termasuk subsidi dan kawalan harga. BNM juga menyatakan bahawa sudah tiba masanya untuk menormalkan lagi tahap akomodatif monetari dengan prospek pertumbuhan domestik kekal mampan.

Dalam kenyataannya, BNM berkata risiko ke atas prospek pertumbuhan domestik secara relatifnya seimbang dengan risiko sisi atas terutamanya berpunca daripada faktor domestik seperti aktiviti pelancongan yang lebih mantap daripada jangkaan dan pelaksanaan projek daripada Bajet 2023 yang dibentangkan semula, manakala risiko sisi bawah berpunca daripada pertumbuhan global yang lebih lemah dari jangkaan. Pendirian dasar monetari kekal sedikit akomodatif, tetapi MPC mengiktiraf keperluan untuk memastikan pendirian itu bersesuaian agar ketidakseimbangan kewangan masa hadapan dapat dielakkan.

Data yang dikeluarkan pada Mei menunjukkan bahawa inflasi utama Malaysia semakin menyederhana kepada +3.3% pada April (dari +3.4% pada bulan Mac), kadar paling perlahan sejak Jun 2022. Penyederhanaan itu didorong terutamanya oleh kenaikan harga makanan dan minuman bukan beralkohol yang lebih perlahan.

Selain itu, data yang dikeluarkan pada bulan itu juga menunjukkan bahawa Malaysia melaporkan pertumbuhan KDNK yang lebih baik daripada jangkaan iaitu 5.6% bagi 1Q23 (berbanding 7% pada 4Q23), dengan sebahagian besar pertumbuhan tersebut dipacu oleh penggunaan swasta, meningkat 5.9% YoY. Sentimen penggunaan yang kukuh turut dicerminkan sektor perkhidmatan yang terus hangat, berkembang 7.3% YoY bagi 1Q23.

Aliran masuk asing memperlahan kepada RM1.5 bilion pada April (Mac: RM6.6 bilion). Kelembapan aliran asing juga dilihat dalam pasaran bon ASEAN yang lain. Aliran masuk didorong terutamanya oleh GII (+RM1.6 bilion) dan instrumen diskaun (RM+1.5 bilion), diimbangi oleh aliran keluar RM1.7 bilion daripada MGS yang mungkin disebabkan oleh tempoh matang MGS RM8.9 bilion pada bulan tersebut yang tidak dilaburkan semula sepenuhnya. Aliran masuk YTD kekal besar dengan aliran masuk kumulatif ke atas semua hutang Ringgit berjumlah +RM12.9 bilion dalam 4M23 dan jumlah pegangan asing meningkat kepada RM259.7 bilion pada akhir April (akhir Mac: 258.2 bilion).

Gambaran Bulanan

Pelbagai keputusan dasar bank pusat utama akan dibuat pada bulan Jun yang akan dipantau dengan teliti, iaitu mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan US pada 15 Jun, diikuti oleh Bank Pusat Eropah pada tarikh yang sama. Bank of Japan juga akan memutuskan kadar dasarnya pada 16 Jun. Selain itu, di dalam negara, MPC BNM juga akan bermesyuarat pada 6 Julai.

Pertumbuhan KDNK 1Q23 adalah lebih kukuh daripada jangkaan pada 5.6%. Lonjakan berurutan pertumbuhan KDNK juga konsisten dengan jangkaan BNM, justeru menjelaskan kenaikan 25 mata asas BNM pada Mei. Sementara itu, walaupun inflasi keseluruhan lebih rendah, dengan purata 3.6% pada 1Q23 berbanding 3.9% pada 4Q22, namun permintaan domestik yang kukuh dan pasaran buruh yang sihat boleh membawa kepada potensi risiko inflasi. Sebarang pelarasan subsidi boleh menjadi pencetus kepada satu lagi kenaikan, terutamanya jika ia bertepatan dengan kejutan pertumbuhan sisi atas dan tekanan gaji yang lebih kuat.

Dengan defisit bajet yang lebih rendah sebanyak RM93.9 bilion berbanding RM99.0 bilion seperti yang dibentangkan sebelum ini, kita akan melihat terbitan kasar yang lebih rendah bernilai RM175 bilion pada 2023 (berbanding unjuran awal kami sebanyak RM180 bilion). Kami berpendapat bahawa belanjawan yang disemak adalah sebahagian besarnya positif terhadap bon kerana kerajaan baharu komited kepada penyatuan fiskal untuk mencapai defisit fiskal sebanyak 3.2% daripada KDNK menjelang 2025 lalu akan menyaksikan pengurangan hutang awam selanjutnya dan jumlah hutang kepada

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 May 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mei 2023 melainkan jika dinyatakan

nisbah KDNK. Terbitan tersebut berkemungkinan dibayar ke hadapan sedikit dengan 52% daripadanya disasarkan pada 1H2023.

Terdapat kematangan bernilai RM80.9 bilion pada 2023 (2022: RM78.9 bilion) dengan sebahagian besar kematangan berjumlah RM65.4 bilion (81%) antara bulan Mac hingga Ogos 2023. Dinamik penawaran semakin menggalakkan, memandangkan kita telah melepasi jangkaan terbitan bersih suku tahunan tertinggi (iaitu RM29.38 bilion) pada 1Q2023 dan terbitan bersih pada 2Q2023 dijangka paling rendah (iaitu RM17.7 bilion) kerana kami mempunyai tempoh matang bon kerajaan yang besar dalam tempoh ini.

Meskipun hasil yang semakin melebar dalam beberapa minggu kebelakangan ini mula menarik permintaan belian yang rendah, terutamanya tempoh yang lebih lama, namun bekalan bon/sukuk kerajaan bersih yang lebih tinggi sebanyak RM25 bilion pada 3Q23 boleh menimbulkan tekanan yang semakin meningkat terhadap keluk. Dalam tempoh terdekat, terdapat tiga lelongan kerajaan pada Jun dengan anggaran terbitan bersih sekitar RM14.0 bilion, bermula dengan pembukaan semula MGII 9/26 3 tahun, MGS 10/42 20 tahun dan MGII 7/28 5 tahun.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana menjana pulangan -0.88% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras -0.92% sebanyak 0.04%. Sejak awal tahun sehingga kini, Dana mengembalikan -2.39%, tidak mengatasi pulangan penanda aras -2.19% sebanyak 0.20%. Prestasi baik pada Mei disumbangkan oleh prestasi ekuiti yang mengatasi penanda arasnya.

Sehingga akhir Mei 2023, Dana mempunyai 78.15% pendedahan dalam ekuiti dan 21.85% dalam sukuk (berbanding kedudukan Neutral 80:20 ekuiti:sukuk).

Source / Sumber: Fund Commentary, May 2023, Eastspring AI-Wara' Investments Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL